

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 4 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	Venueville bantu cari tempat anjur majlis	Berita Harian
2	SM Sains Tapah menang anugerah emas inovasi	Utusan Malaysia
3	Serat kekabu, daun mengkuang berpotensi ganti gentian kaca	Berita Harian
4	Tiga pelajar SM Sains Tapah rangkul emas di pameran antarabangsa	Bernamea.com
5	Tilam kenaf pertama bakal di pasarkan	Utusan Malaysia
6	Tilam pertama daripada kenaf bakal berada di pasaran di seluruh negara	Bernamea.com
7	Lelaki Y ialah Anwar	Kosmo
8	Circumstantial evidence more definitive, says shafee	The Malay Mail
9	Amaran angin kencang, laut bergelora di perairan Phuket – Jabatan Meteorologi	Bernamea.com

Venueville bantu cari tempat anjur majlis

» Portal sehenti dibangun Y Us turut perkenal 'urus niaga minit terakhir'

Oleh Suffian A Bakar
suffian@bh.com.my

Orang ramai kini tidak lagi perlu bersusah payah mencari tempat yang sesuai bagi mengadakan sesuatu acara seperti majlis perkahwinan, perjumpaan dengan rakan, atau tempat untuk bermain futsal, berikutan adanya Venueville, portal interaktif komprehensif yang direka khas untuk tujuan itu.

Venueville dibangun Y Us Sdn Bhd, syarikat berstatus MSC, disasarkan kepada perancang acara serta penganjur untuk mencari dan membuat tempahan tempat dengan mudah.

Pengasas yang juga Ketua Pegawai Eksekutifnya, Yusno Yunos, berkata Venueville bakal menjadi ruang komunikasi bagi pemilik tempat dan perancang acara untuk penggunaan

premis terbabit yang menyediakan maklumat terkini berhubung premis berkenaan termasuk gambar dan sewa.

"Ia juga memperkenalkan konsep 'urus niaga minit terakhir' bagi tempahan yang dibatalkan pada saat akhir yang mana harga menarik ditawarkan. Ini mewujudkan situasi menang-menang kepada pemilik tempat dan perancang acara," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran portal sehenti itu di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama Presiden yang juga **Ketua Pegawai Eksekutif Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM)**, Datuk Ir Azman Shahidin; Ketua Pegawai Eksekutif Cradle Fund Sdn Bhd, Nazrin Hassan dan Ketua Sekolah Pelancongan Berjaya University College of Hospitality (Berjaya UCH), Kit Thong.

275 tempat ditawarkan

Yusno berkata, ketika ini terdapat 275 tempat ditawarkan Venueville dan menyasar meningkatkannya kepada 500 hujung tahun ini.

Pada majlis sama Y Us turut memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Ber-

jaya UCH bertujuan menjadikan Evenesis, satu lagi aplikasi pengurusan acara dibangun Y Us untuk diguna pakai penuntut Berjaya UCH.

Yusno berkata, kerjasama dengan Berjaya UCH akan membuka jalan kepada Evenesis untuk hadir dalam sektor pendidikan, seterusnya memastikan Evenesis sebagai aplikasi rasmi bagi subjek pengurusan acara yang diajar di kolej itu.

Instrumen pembelajaran

Beliau berkata, dengan perkembangan positif industri pelancongan dan hospitaliti di negara ini dan rantau ASEAN, pihaknya berharap perisian pengurusan acara itu bukan saja dapat meningkatkan nilai untuk perancang dan penganjur acara, tetapi juga sebagai instrumen pembelajaran yang berkesan.

Sementara itu, Azman meluahkan keyakinan terhadap Y Us untuk menjadi syarikat Gen Y yang perlu diberikan perhatian dari segi kreativiti dan idea inovatif dalam membangunkan aplikasi baru untuk komuniti perniagaan.

Beliau berkata, Y Us adalah syarikat pemula yang dibimbing TPM di bawah program inkubasi dan kini berkembang



"la disasarkan kepada perancang acara serta penganjur untuk mencari dan membuat tempahan tempat dengan mudah"

Yusno Yunos,
Ketua Pegawai Eksekutif
Y Us Sdn Bhd

menjadi akselerator berjaya.

Y US dijangka mencatat pertumbuhan pendapatan 25 peratus tahun ini kepada RM1.4 bilion berbanding RM1.1 juta tahun sebelumnya.

"Kami menggunakan 10 peratus daripada pendapatan tahunan syarikat untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D)," kata Yusno.

Evenesis adalah perisian atas talian yang memenangi anugerah Malaysia Asia Pacific ICT Awards MSC (APICTA) pada 2013 bagi kategori aplikasi terbaik pelancongan dan hospitaliti, dan bagi kategori aplikasi terbaik infrastruktur dan aplikasi pada 2011.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI): MUKA SURAT 5
TARIKH: 4 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SM Sains Tapah menang anugerah emas inovasi

TAPAH 3 Nov. - Tiga pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah di sini mengharumkan nama negara apabila memenangi Anugerah Emas dalam pertandingan inovasi Pameran Antarabangsa Pereka Cipta Muda (IEY) 2014 di Jakarta kelmarin menerusi penghasilan produk berasaskan serat daun mengkuang dan kekabu yang lebih tahan dan ringan daripada gentian kaca.

Ciptaan yang dinamakan *My NanoCfib* itu dihasilkan oleh tiga pelajar tingkatan tiga sekolah itu iaitu Ahmad Hasif Sohif, Mohamad Haziq Alias dan Mohamad Arif Aiman Zulladi.

My NanoCfib dihasilkan menggunakan teknologi komposit hasil kombinasi serat atau nanoselulosa daun mengkuang atau nama sain-

tifiknya *Pandanus tectorius* dan kekabu atau *Ceiba petandra* yang dikatakan alternatif terbaik kepada penggunaan gentian kaca.

Produk itu lebih tahan dan ringan daripada gentian kaca selain kalis air, anti kulat, penebat haba, merencatkan pembakaran dan kos penghasilan yang rendah.

Malahan ciptaan itu dikatakan adalah yang pertama seumpamanya di dunia dan mampu menjadi alternatif kepada penggunaan gentian kaca yang digunakan dalam pelbagai industri termasuk penerbangan.

Guru penasihat kumpulan pelajar berkenaan, Nadira Ismail dalam sidang akhbar di sini berkata, kemenangan di Jakarta kelmarin merupakan kejayaan terbaharu setelah beberapa inovasi yang dihasilkan

oleh pelajar sekolah itu sebelum ini turut memenangi beberapa anugerah antarabangsa.

Menurut beliau, *My NanoCfib* adalah produk pertama di dunia dihasilkan daripada serat daun berbanding gentian kaca yang dihasilkan dari bahan kimia.

"Kami telah membuat semakan di internet dan mendapati belum ada sesiapa yang menghasilkan produk sekuat ini daripada serat daun pokok.

"Kami yakin produk ini boleh dikomersialkan menerusi kajian yang mendalam dan mampu menjadi bahan alternatif kepada gentian kaca," katanya.

Sementara itu, sekolah berkenaan juga muncul johan pertandingan tarian peringkat negeri yang diadakan baru-baru ini.

Serat kekabu, daun mengkuang berpotensi ganti gentian kaca

» Inovasi tiga pelajar SESTA raih pingat emas di Jakarta

Oleh Munirah Musthpar
bhnews@bh.com.my

■ Tapah

Tiga pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah (SESTA) berjaya menghasilkan bahan alternatif membabitkan campuran serat kekabu dan daun mengkuang melalui penggunaan teknologi nano, hingga berpotensi menggantikan gentian kaca.

Berdasarkan sifatnya yang lebih ringan dengan kekuatan setanding gentian kaca, produk inovasi yang diberi nama, MyNanoCFib, itu berpotensi digunakan dalam penyediaan komponen kereta dan kapal terbang.

Inovasi Muhammad Arif Ai-



Dari kiri, Mohd Haziq, Arif Aiman dan Ahmad Hasif menunjukkan MyNanoCFib ketika ditemui di Sekolah Menengah Sains Tapah, Perak, semalam.

[FOTO FARHAN NAJIB/BH]

man Zulladi; Ahmad Hasif Sohif dan Mohd Haziq Alias di bawah Guru Pembimbing, Nadira Ismail, meraih pingat emas pada International Exhibition for Young Inventors (IEYE) Ke-10 di Jakarta,

Indonesia, minggu lalu.

Lebih membanggakan inovasi gandingan pelajar Tingkatan Tiga SESTA itu, berada dalam kelompok lima terbaik daripada 20 kumpulan yang menerima pingat

emas dari sembilan negara yang menghantar penyertaan.

Arif Aiman berkata, penghasilan produk turut mendapat kerjasama Institut Standard dan Penyelidikan Malaysia (SIRIM)

yang membantu mengekstrak nanoselulosa dari daun mengkuang kerana SESTA tidak mempunyai peralatan bagi tujuan itu.

Produk bionano komposit

Katanya, MyNanoCFib adalah antara produk bionano komposit yang pertama di Malaysia dihasilkan menggunakan teknologi komposit, kombinasi serat semula jadi dan matriks.

"Produk ini ditingkatkan daripada ciptaan kami sebelum ini iaitu penghasilan siling kapur menggunakan teknologi sama.

"MyNanoCFib dicipta berasaskan bioteknologi di mana lebih selamat digunakan, murah dan mudah diperolehi, berbanding gentian kaca biasa yang membahayakan paru-paru kerana penggunaan bahan kimianya.

"Kami turut melakukan ujian ketahanan, haba dan jatuhkan terhadap produk kami, di mana hasilnya amat memuaskan dan membuktikan lebih bagus dari gentian kaca," katanya pada sidang media mengumumkan kejayaan itu di SESTA, semalam. Yang turut hadir, Pengetua SESTA, Sulaiman Samsudin.

Arif Aiman berkata, mereka hanya menunggu dana untuk mempatenkan inovasi berkenaan dan berharap ia akan diguna pakai sebagai alternatif menggantikan gentian kaca yang lazim digunakan.



Tiga Pelajar SM Sains Tapah Rangkul Emas Di Pameran Antarabangsa



Tiga pelajar Perak yang harumkan nama negara

TAPAH, 3 Nov (Bernama) -- Tiga pelajar Sekolah Menengah Sains Tapah mengharumkan nama negara apabila meraih anugerah emas di Pameran Antarabangsa Pereka Muda 2014 (IEXI 2014) di Jakarta dari 30 Okt hingga 1 Nov lepas.

Ketiga-tiga pelajar Tingkatan Tiga itu -- Ahmad Hasif Sohif, Mohamad Haziq Alias dan Muhammad Anif Aiman Zulladi, memperoleh kejayaan itu menerusi ciptaan mereka yang dinamakan MyNanoCFib.

Pertandingan itu disertai sembilan negara lain termasuk Taiwan, Nigeria, Hong Kong dan Jepun melibatkan 142 hasil reka cipta.

Guru pembimbing, Nadira Ismail, 34, berkata produk itu dicipta untuk menggantikan bahan komposit seperti gentian kaca, dengan menggunakan Nanoselulosa Fiber yang diekstrak daripada daun mengkuang dan serat kekabu.

"Produk ini boleh dijadikan bahan binaan seperti badan kapal terbang, bot, sampan dan pemukul kayu hoki," kata guru itu ketika ditemui pemberita di Tapah, Isnin.

Nadira berkata produk tersebut merupakan alternatif terbaik kepada gentian kaca yang berada di pasaran kerana ia adalah produk serat semula jadi yang lebih mesra alam dan berkualiti.

Selain itu, produk berkenaan bersifat antikulat, ringan, kalis api dan air serta tahan lasak berbanding gentian kaca, katanya.

"Jika gentian kaca yang dijual di pasaran sangat mahal iaitu pada harga RM660 tetapi kami hanya menggunakan kos sebanyak RM153 sahaja untuk menghasilkan MyNanoCFib," katanya.

Nadira berkata produk tersebut mampu menjana ekonomi penduduk kampung yang memiliki pokok mengkuang dan buah kekabu selain berpotensi untuk dipasarkan sebagai antara sumber pendapatan ekonomi negara.

Katanya, reka cipta berkenaan dibuat di makmal sekolah dan di [Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia \(SIRIM\)](#) dengan mengambil masa antara empat hingga lima jam untuk dihasilkan.

Beliau berkata pihak sekolah akan mempatenkan hasil reka ciptaan mereka itu secepat mungkin.

Mohd Haziq ketika ditemui berkata mereka bertiga memulakan hasil reka cipta tersebut sejak sejak awal tahun ini di bawah penyeliaan guru sekolah yang banyak memberi nasihat menjayakan projek berkenaan.

Ketiga-tiga mereka berterima kasih kepada pengurusan sekolah terutamanya guru besar dan guru-guru yang banyak memberi semangat dan membantu mereka.

Beliau dan rakannya berasa bangga dapat memanfaatkan bahan semula jadi itu dan tidak menyangka dapat merangkul emas dalam pameran tersebut.

--BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (BISNES): MUKA SURAT 18
TARIKH: 4 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Tilam kenaf pertama bakal di pasarkan

BUKIT MERTA JAM 3 Nov. - Dr Rahmatullah Holdings Sdn. Bhd., sebuah syarikat milik penuh bumiputera bakal memasarkan tilam pertama di negara ini yang diperbuat daripada gentian kenaf, selewat-lewatnya tahun depan.

Pengarah Urusannya, Dr. Rahmatullah Hussain berkata, keputusan itu diambil selepas melihat kejayaan memberangsangkan jualan produk berkenaan kepada penduduk di sekitar Pulau Pinang, Perlis dan Kedah.

"Alhamdulillah, selama tujuh tahun tilam ini dibuat kajian dan dijual kepada penduduk di sekitar Permatang Pauh, Pulau Pinang dan negeri-negeri di utara, tilam yang dibuat daripada kenaf ini semakin mendapat perhatian.

"Ini disebabkan tilam yang kami hasilkan ini bukan sahaja jauh lebih murah malah didakwa oleh pembeli mampu merawat masalah tidur dan sakit belakang,"

katanya kepada pemberita di kilangnya di Pengkalan Tambang, Permatang Pauh di sini hari ini.

Dr. Rahmatullah berkata tilam berjenama 'Finaf' itu akan dipasarkan melalui anak syarikatnya Finaf Mattress Sdn. Bhd., dan terdapat empat variasi tilam milik syarikatnya itu - King, Queen, Single dan tilam bayi - yang dijual pada harga di antara RM300 dan RM1,200.

Antara kebaikan tilam kenaf itu ialah mesra alam, mengurangkan masalah bahan kimia, sifat spring semula jadi, mempunyai lubang udara di dalam tilam dan menyokong struktur badan ketika tidur.

Beliau berkata, enam pekerja kilang berkenaan kini mampu menghasilkan lebih 500 tilam sebulan, dan merancang meningkatkannya kepada lebih 1,000 apabila mula diperluaskan ke luar negeri itu.

"Kami mendapat sokongan daripada Lembaga Kenaf dan

Tembakau Negara (LKTN) yang telah membekalkan kira-kira tiga tan metrik kenaf sebulan. Kami jangka memerlukan lebih lima tan metrik selepas ini dan LKTN memberi jaminan mereka mampu membekalkan bahan mentah berkenaan," katanya.

Menurutnya, kilang yang bermodalkan hampir RM1 juta itu turut disokong oleh LKTN yang membekalkan empat jenis mesin pembuatan tilam dengan kos lebih RM300,000 pada awal pembukaannya.

Katanya, di awal operasi, pihaknya terlebih dahulu meneroka pasaran di Perak dan ibu negara dengan membuka beberapa pusat jualan di sana.

Memperoleh perakuan **Sirim QAS** pada awal tahun ini, syarikat itu baru-baru ini memenangi pingat emas pada pertandingan peringkat kebangsaan di sini menerusi tilam bayi kenaf. - BERNAMA



RAHMATULLAH HUSSAIN (kanan) bersama Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) LKTN, Wan Baharuddin Wan Ismail memegang tilam yang diperbuat daripada gentian kenaf untuk dipasarkan di Pengkalan Tambang, Permatang Pauh di Bukit Mertajam, semalam. - BERNAMA



Tilam Pertama Daripada Kenaf Bakal Berada Di Pasaran Di Seluruh Negara

BUKIT MERTAJAM, 3 Nov (Bernama) -- Dr Rahmatullah Holdings Sdn Bhd, sebuah syarikat milik penuh Bumiputera di sini, bakal memasarkan tilam pertama di negara ini yang diperbuat daripada gentian kenaf, selewat-lewatnya tahun depan.

Pengarah Urusannya Dr Rahmatullah Hussain berkata, keputusan itu diambil selepas melihat kejayaan memberangsangkan jualan produk berkenaan kepada penduduk di sekitar Pulau Pinang, Perlis dan Kedah.

"Alhamdulillah, selama tujuh tahun tilam ini dibuat kajian dan dijual kepada penduduk di sekitar Permatang Pauh, Pulau Pinang dan negeri di Utara, tilam yang dibuat daripada kenaf ini semakin mendapat perhatian.

"Ini disebabkan tilam yang kami hasilkan ini bukan sahaja jauh lebih murah malah didakwa oleh pembeli mampu merawat masalah tidur dan sakit belakang," katanya kepada pemberita di kilangnya di Pengkalan Tambang, Permatang Pauh di sini.

Dr Rahmatullah berkata tilam berjenama 'Finaf' itu akan dipasarkan melalui anak syarikatnya Finaf Mattress Sdn Bhd.

Beliau berkata terdapat empat variasi tilam milik syarikatnya itu - King, Queen, Single dan tilam bayi - yang dijual pada harga di antara RM300 dan RM1,200.

Antara kebaikan tilam kenaf itu ialah mesra alam, mengurangkan masalah bahan kimia, sifat spring semula jadi, mempunyai lubang udara dalam tilam dan menyokong struktur badan ketika tidur.

Beliau berkata enam pekerja kilang berkenaan kini mampu menghasilkan lebih 500 tilam sebulan, dan merancang meningkatkannya kepada lebih 1,000 apabila ia mula diperluas ke luar negeri itu.

"Alhamdulillah kami mendapat sokongan daripada Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) yang telah membekalkan kira-kira tiga tan metrik kenaf sebulan.

"Kami jangka memerlukan lebih lima tan metrik selepas ini dan LKTN memberi jaminan mereka mampu membekalkan bahan mentah berkenaan," katanya.

Menurutnya kilang yang bermodalkan hampir RM1 juta itu turut disokong oleh LKTN yang membekalkan empat jenis mesin pembuatan tilam dengan kos lebih RM300,000 pada awal pembukaannya.

Katanya diawal perluasan operasi, pihaknya terlebih dahulu meneroka pasaran di Perak dan ibu negara dengan membuka beberapa pusat jualan di sana.

"Insya-Allah kami akan menambah para pekerja sekiranya cadangan ini menjadi kenyataan," katanya.

Memperoleh perakuan [Sirim QAS](#) pada awal tahun ini, syarikat itu baru-baru ini memenangi pingat emas pada pertandingan peringkat kebangsaan di sini menerusi tilam bayi kenaf.

Sementara itu, Ketua Pengarah LKTN Samsudin Noor yang ditemui pada Majlis Ketua Pengarah LKTN Turun Padang di sini, berkata lembaga itu sedia membantu usahawan yang berminat menghasilkan produk daripada kenaf.

"Kita bersedia membantu usahawan ini memandangkan kenaf kini boleh dijadikan bahan utama dalam pembuatan fiber, perabot dan juga bahan makanan untuk haiwan," katanya.

Beliau berkata lembaga itu kini menghasilkan kenaf yang dikenal pasti sebagai komponen terbaik untuk pembuatan perabot, untuk sembilan syarikat dalam pembuatan fiber, perabot dan bahan makanan, dan mampu untuk dieksport ke luar negara.

"Baru-baru ini sebanyak 20 tan metrik kenaf kita eksport ke China bagi pembuatan perabot di negara itu," katanya.

Samsudin berkata lebih menguntungkan nanti apabila ia bakal dijadikan komponen utama dalam pembuatan kenderaan dan juga bahan dalam pembuatan rumah.

"LKTN kini sudah mengadakan pertemuan dengan syarikat automotif dan akan bertemu syarikat utama dalam pembuatan rumah di negara ini bagi tujuan itu," katanya.

Beliau berkata kenaf kini ditanam di tanah seluas 2,000 hektar dan berharap skala penanaman kenaf itu akan lebih besar pada tahun-tahun akan datang dan bakal menjadi satu komoditi utama negara pada masa hadapan.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) : MUKA SURAT 6
TARIKH : 4 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Pasukan penyiasat tak reka bukti daripada barangan diambil dari lokap tahanan

Lelaki Y ialah Anwar

Oleh FAIZAL NAZARUDDIN
 dan NUR AISHAH AMIN
 berta@kosmo.com.my

PUTRAJAYA - Mahkamah Persekutuan di sini semalam diberitahu, profil asid deoksiribonukleik (DNA) Lelaki Y yang diperoleh daripada barangan yang diambil dari lokap Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur tempat Datuk Seri Anwar Ibrahim ditahan merupakan milik Ketua Pembangkang itu.

Dalam hujah di hadapan Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria, Ketua Pendakwaan Tan Sri Dr. Muhammad Shafee Abdullah berkata, barangan tersebut seperti berus gigi, tuala Good Morning dan botol air mineral dikenal pasti milik Anwar oleh pegawai polis yang menjaga lokap tersebut.

Menurut Shafee, pegawai forensik Superintendan Amidon Anan telah mengambil langkah berjaga-jaga tambahan apabila mengambil barangan-barang tersebut sebelum menghantarnya kepada ahli kimia melalui pegawai penyiasat.

"Apabila Anwar meninggalkan barangan-barang itu di atas lantai di dinding lokap yang dibina separuh dinding di dalam sel, barangan itu diambil dan dibungkus ke dalam beg plastik oleh polis bagi dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan melakukan ujian DNA," kata beliau.

Hujah Shafee lagi, hasil ujian DNA yang diambil daripada barangan terbabit didapati sama dengan DNA yang diambil daripada dubur Mohd. Saiful Bukhari Azlan yang mendakwa telah diliwat oleh Anwar.

Justeru, Shafee menyimpulkan bahawa tidak akan ada peluang untuk pasukan penyiasat mereka-reka bukti sebaliknya penemuan DNA itu harus di-



SHAFEE (kanan) memberi hujah bahawa DNA Lelaki Y adalah milik Anwar.



KERATAN Kosmo! 26 April 2011.



ANWAR meninggalkan Istana Kehakiman selepas prosiding hari kelima tamat semalam.

Apabila Anwar meninggalkan barang-barang itu di atas lantai lokap, barangan itu diambil dan dibungkus bagi dihantar ke Jabatan Kimia bagi tujuan melakukan ujian DNA

SHAFEE ABDULLAH

terima sebagai bahan bukti.

"Keterangan polis adalah neutral dan ada fakta jelas bahawa Anwar membawa botol air mineral dan menggunakannya sepanjang ditahan di dalam lokap selain turut memberikan gigi," ujarnya.

Jelasnya, pihak polis tidak disoal balas mengenai isu itu mahupun dicabar oleh pihak pembelaan pada masa itu yang menunjukkan penggunaan barangan berkenaan oleh perayu (Anwar).

Katanya, barangan-barang bukti yang ditemui tersebut boleh diterima dalam undang-undang kerana Anwar menolak untuk memberikan sampel DNA ketika dibawa ke Hospital Kuala Lumpur.

Mengenai kenyataan akuan berkanun Dr. Osman Abdul Hamid dari Hospital Pusrawi yang merupakan orang pertama memeriksa Mohd. Saiful, kata Shafee, pihak pendakwaan sebelum ini membuat keputusan yang tepat untuk tidak memanggil doktor itu pada perbicaraan lalu.

"Mohd. Saiful mendakwa Dr. Osman berbohong apabila doktor itu menulis bahawa objek plastik dimasukkan ke dalam dubur pengadu semasa diperiksa tetapi dalam laporan bertaip, Dr. Osman tidak pula menyebut objek plastik itu," kata beliau.

Hakim Arifin kemudian menanggukkan rayuan kes liwat Anwar prosiding itu bersambung hari ini dengan pihak pendakwaan dijadual memberi hujah di sebelah pagi.

Perbicaraan Rayuan Kes Liwat Anwar

BARISAN HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN



TUN ARIFIN ZAKARIA



DATUK RAMLI ALI



TAN SRI SURIYADI HALIM OMAR



TAN SRI ABDULL HAMID EMBONG



TAN SRI MD. RAUS SHARIF

PENDAKWAAN



TAN SRI DR. MUHAMMAD SHAFEE ABDULLAH



DATUK MOHAMAD HANAFIAH ZAKARIA

PEMBELAAN



DATUK SERI GOPAL SRI RAM

MANGSA LIWAT



MOHD. SAIFUL



ANWAR

TERTUDUH



IBU Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur tempat Anwar pernah ditahan selepas didakwa meliwat Mohd. Saiful.

KERATAN AKHBAR
THE MALAY MAIL (SODOMY II APPEAL) : MUKA SURAT 12
TARIKH: 04 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Circumstantial evidence more definitive, says Shafee

PUTRAJAYA — Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah insisted yesterday the circumstantial evidence used to convict Datuk Seri Anwar Ibrahim of sodomy could be more definitive than direct evidence the defence argued was needed to incontrovertibly link the opposition leader to DNA samples allegedly gathered during his detention.

Muhammad Shafee, who is leading the prosecution in Anwar's appeal to the Federal Court, also maintained that there was no conspiracy against Anwar.

This was demonstrated when police officers on duty during his detention did not lie to directly link him to evidence collected from his holding cell when they could have easily done so, *Malay Mail Online* reported.

He also insisted that testimony by then investigating officer Jude Perreira saying he saw Anwar bring a bottle of mineral

water into the holding cell was sufficient to consider samples collected from the bottle as direct evidence.

"Isn't it so easy for Jude to say, 'I saw him drinking the water? Wiping head using good morning towel?'" he said when resuming the prosecution's submission during the fifth day of the appeal hearing.

"None of them said direct evidence... (they were) simply stating what they saw or didn't see."

Muhammad Shafee also insisted the defence should have raised its challenge against the submission of a toothbrush purportedly taken from Anwar's cell, saying it was too late for them to do so.

Last week, Anwar's defence team argued that the "Male Y" DNA profile built from items he allegedly used while in lockup in 2008 was only circumstantial as there was no direct evidence he had used any of the items — a water bottle, a face towel, and

toothbrush — submitted.

They insisted that the court should not rely on circumstantial evidence that was contradicted by direct evidence in the case.

Anwar was held overnight from July 16 to 17, from 11.05pm to 12.30pm, in 2008, after being arrested for allegedly sodomising his former aide Mohd Saiful Bukhari Azlan.

During trial in 2011, government chemist **Nor Aidora Saedon** testified that there were two DNA profiles found on the evidence samples — that of "Male Y" and that of an unknown DNA profile.

The Federal Court is hearing Anwar's challenge of the Court of Appeal's decision to overturn a lower court's decision to acquit him of the charge.

The High Court had in 2012 acquitted Anwar of the 2008 charge but the appellate court ruled on March 7 this year that the trial judge had erred when rejecting the

DNA evidence produced in the case.

If Anwar fails to reverse his five-year imprisonment sentence and conviction in the Federal Court, he would lose his seat as the law bars anyone fined RM2,000 or imprisoned for one year from serving as an MP.

Yesterday's hearing was presided over by a five-member panel led by Chief Justice Tun Arifin Zakaria. Others are Court of Appeal president Tan Sri Md Raus Sharif and Federal Court judges Tan Sri Abdul Hamid Embong, Tan Sri Suriyadi Halim Omar and Datuk Ramly Ali, who replaced Tan Sri Ahmad Maarop.

Anwar is represented by a 14-man defence team led by Datuk Seri Gopal Sri Ram. The others include lawyers R. Sivarasa, Latheefa Koya, N. Surendran and Gobind Singh Deo.

Leading the prosecution are Muhammad Shafee and Datuk Mohamad Hanafiah Zakaria.



Amaran Angin Kencang, Laut Bergelora Di Perairan Phuket - Jabatan Meteorologi



Angin kencang, laut bergelora - Gambar Hiasan

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) hari ini mengeluarkan amaran angin kencang dan laut bergelora kategori pertama bagi kawasan perairan Phuket yang dijangka berlaku mulai esok.

Jabatan berkenaan dalam kenyataannya berkata angin kencang Barat Daya dengan kelajuan 40-50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter itu dijangka berterusan sehingga Jumaat ini.

Keadaan angin kencang dan laut bergelora itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

-- BERNAMA